

**SOALAN-SOALAN LAZIM
ASN EQUITY GLOBAL**

1. UMUM

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--|---|
| 1. | Adakah ASNB akan melancarkan tabung unit amanah baharu? Sekiranya ya, bilakah tarikh pelancaran dan apakah nama tabung unit amanah tersebut? | <ul style="list-style-type: none"> • Ya, ASNB akan melancarkan satu (1) tabung unit amanah Harga Berubah baharu pada September 2021. • Tabung unit amanah baharu tersebut adalah ASN EQUITY GLOBAL. |
| 2. | Siapakah kumpulan sasaran untuk tabung unit amanah yang baharu ini? | <ul style="list-style-type: none"> • Tabung unit amanah baharu ini mensasarkan pelabur yang mempunyai pilihan pelaburan dan tahap toleransi risiko seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Mempunyai tahap toleransi risiko yang tinggi; ii. Lebih cenderung kepada peningkatan modal; iii. Lebih cenderung kepada pelaburan yang mempunyai pendedahan global; iv. Memahami profil risiko dan pulangan ke atas tabung yang melabur di pasaran domestik dan global |
| 3. | Apakah strategi perumpukan aset bagi tabung unit amanah ini? | <ul style="list-style-type: none"> • Pada 2018, ASNB telah melaksanakan langkah penjenamaan semula tabung-tabung unit amanah harga berubah dengan pembahagian mengikut tiga (3) kategori yang berbeza iaitu: <ul style="list-style-type: none"> ○ Ekuiti Pertumbuhan; ○ Aset Campuran Imbang; dan ○ Aset Campuran Konservatif • Tabung unit amanah baharu ini adalah dalam kategori Ekuiti Pertumbuhan di mana 75% sehingga 99% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) akan dilaburkan dalam ekuiti, manakala baki daripada NAB tabung akan dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap dan pasaran wang termasuk aset cair. |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|---|--|
| 4. | Bagaimana pula dengan penanda aras bagi tabung unit amanah yang baharu ini? | <ul style="list-style-type: none"> • Penanda aras bagi semua tabung harga berubah telah diselaraskan mengikut kategori kelas aset masing-masing. • Penanda aras bagi tabung unit amanah ini adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ○ 90% MSCI All County World Index (ACWI): 10% Kadar Deposit Tetap 12-bulan Maybank |
| 5. | Siapakah yang layak untuk melabur dalam tabung unit amanah ini? | <ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia bermula dari usia lahir dan mempunyai sijil kelahiran sah. • Bagi warganegara yang berumur bawah 18 tahun, pelaburan adalah melalui ibu bapa atau penjaga sah yang juga warganegara berusia 18 tahun dan ke atas. |
| 6. | Di manakah pelabur boleh memulakan pelaburan dalam ASN Equity Global? | <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang Unit sedia ada boleh membuat pelaburan di saluran berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Urus niaga di kaunter cawangan ASNB dan ejen ii. Dalam talian melalui portal dan aplikasi mudah alih myASNB iii. Dalam talian melalui perbankan internet ejen (bergantung kepada ketersediaan platform ejen) • Bagi pelabur baharu, pendaftaran akaun ASNB perlu dibuat sebelum melanggan unit dana ASN Equity Global. Pendaftaran boleh dibuat di kaunter cawangan ASNB dan ejen atau secara dalam talian melalui aplikasi mudah alih myASNB |
| 7. | Berapakah pelaburan permulaan dan pelaburan tambahan minimum? | <ul style="list-style-type: none"> • Urus niaga di cawangan dan ejen ASNB: <ul style="list-style-type: none"> i. Pelaburan permulaan minimum - RM10 ii. Pelaburan tambahan minimum - RM1 • Urus niaga melalui portal dan aplikasi mudah alih myASNB: <ul style="list-style-type: none"> i. Pelaburan permulaan minimum – RM150 ii. Pelaburan tambahan minimum - RM150 |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--|---|
| 8. | Adakah tabung unit amanah ini mempunyai Tempoh Tawaran Permulaan (IOP)? Sekiranya ya, berapakah tempoh, NAB seunit dan caj jualan? | <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh Tawaran Permulaan (IOP) untuk tabung ini adalah 21 hari dari tarikh pelancarannya. • NAB seunit semasa IOP ialah RM1.00 tidak termasuk caj jualan. Pemegang Unit akan dikenakan caj jualan sehingga 5% daripada NAB setiap unit. |
| 9. | Apakah polisi agihan pendapatan bagi ASN Equity Global? | <ul style="list-style-type: none"> • Pengagihan pendapatan tabung tertakluk kepada perolehan pendapatan pada akhir Tahun Kewangan setelah ditolak perbelanjaan dan cukai (jika berkenaan). Perolehan daripada pendapatan tabung unit amanah, sekiranya ada, akan diagihkan kepada Pemegang Unit mengikut budi bicara Pengurus dan kelulusan Pemegang Amanah. |
| 10. | Apakah status Syariah bagi tabung unit amanah ini? | <ul style="list-style-type: none"> • ASN Equity Global, dana terbaharu yang diuruskan oleh ASNB, mematuhi Prinsip-Prinsip Syariah yang telah diluluskan oleh Panel Penasihat Syariah PNB. |

2. MEKANISME HARGA HADAPAN

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--|---|
| 1. | Apakah mekanisme harga yang menentukan NAB seunit bagi dana ASN Equity Global? | <ul style="list-style-type: none"> • NAB seunit ASN Equity Global ditetapkan menerusi mekanisme harga hadapan. |
| 2. | Apakah itu mekanisme harga hadapan? Apakah perbezaannya dengan harga silam? | <ul style="list-style-type: none"> • Bagi tabung unit amanah harga hadapan dengan pelaburan global (iaitu ASN Equity Global), harga seunit bagi urus niaga adalah berdasarkan penilaian yang dibuat selepas jam 5.00 petang pada hari bekerja berikutnya (T+1), berikutan perbezaan zon masa bagi pasaran global. Oleh yang demikian, Nilai Aset Bersih (NAB) bagi tabung tersebut akan dipaparkan selepas dua (2) hari bekerja (T+2). • Mekanisme harga hadapan adalah berbeza dengan harga silam di mana NAB harga silam adalah berdasarkan kepada penilaian hari bekerja sebelumnya. Oleh itu, sebarang pelaburan dalam tabung unit amanah harga silam, unit-unit dapat diperuntukkan secara |

| | | |
|----|--|---|
| | | serta merta (“on-the-spot”) dan Pemegang Unit dapat mengetahui jumlah unit, harga NAB seunit dan caj yang perlu dibayar oleh Pemegang Unit pada masa langganan dibuat. |
| 3. | Bagaimana pula dengan jualan balik? Adakah Pemegang Unit akan mendapat jumlah pelaburan dengan kadar serta merta (“on-the-spot”) seperti yang dipraktikkan sekarang? | <ul style="list-style-type: none"> • Seperti yang dinyatakan di atas, harga seunit bagi mekanisme harga hadapan boleh diketahui setelah penilaian dilakukan iaitu selepas pasaran saham ditutup. Oleh itu, sebarang urusan niaga jualan balik akan diproses setelah harga tersebut diketahui dan Pemegang Unit akan menerima amaun daripada jualan balik dalam masa sepuluh (10) hari (T+10) bermula dari tarikh urusan niaga jualan balik dilaksanakan. • Urusan niaga jualan balik hanya boleh dilakukan di kaunter cawangan atau ejen ASNB. Permohonan jualan balik perlu dibuat sebelum takat masa (cut-off time) iaitu jam 4.00 petang pada mana-mana hari bekerja. Unit-unit akan dijual balik pada NAB seunit berdasarkan penilaian bagi tabung unit amanah harga hadapan. Urusan niaga jualan balik yang dibuat selepas jam 4.00 petang pada hari bekerja, akan diproses pada hari bekerja berikutnya atau bersesuaian dengan terma dan syarat yang ditetapkan oleh ASNB. |

3. TEMPOH BERTENANG

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--|--|
| 1. | Apakah itu hak tempoh bertenang (“cooling-off right”)? | <ul style="list-style-type: none"> • Hak tempoh bertenang adalah hak yang diberikan kepada Pemegang Unit yang melabur dalam unit amanah harga berubah ASNB buat pertama kali, untuk menerima amaun pelaburan sepenuhnya sekiranya permohonan dibuat dalam tempoh bertenang. • Walau bagaimanapun, hak tempoh bertenang tidak diberikan kepada pelabur korporat/institusi, kakitangan ASNB atau mana-mana individu yang bekerja dengan badan-badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menguruskan tabung unit amanah. |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|---|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> • Amaun penuh mengikut jumlah pelaburan permulaan akan dipulangkan kepada Pemegang Unit dalam tempoh sepuluh (10) hari setelah permohonan untuk menggunakan hak tempoh bertenang diterima oleh ASNB. |
| 2. | Berapa lamakah tempoh bertenang tersebut? | <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh bertenang adalah enam (6) hari bekerja bermula dari hari belian iaitu tarikh ASNB menerima borang permohonan yang lengkap berserta amaun pelaburan. |
| 3. | Apakah yang akan diterima oleh Pemegang Unit setelah melaksanakan hak tempoh bertenang? | <ul style="list-style-type: none"> • Pemegang Unit akan menerima amaun bayaran balik yang berdasarkan: <ul style="list-style-type: none"> i. Harga seunit pada hari belian; dan ii. Caj jualan seunit yang dikenakan terhadap unit belian. |
| 4. | Apakah kelayakan untuk hak tempoh bertenang? | <ul style="list-style-type: none"> • Hak tempoh bertenang diberikan kepada Pemegang Unit baharu dan sedia ada, yang melabur buat kali pertama dalam mana-mana unit amanah harga berubah ASNB. • Tempoh bertenang hanya akan diberikan sekali seumur hidup. Ini bermaksud apabila Pemegang Unit telah melaksanakan hak tempoh bertenang, Pemegang Unit tidak lagi berhak ke atas hak tempoh bertenang bagi pelaburan berikutnya dalam tabung unit amanah yang sama atau yang lain. • Hak tempoh bertenang hanya boleh diguna pakai untuk pelaburan permulaan sahaja. Sekiranya Pemegang Unit membuat pelaburan tambahan selepas itu, Pemegang Unit tidak lagi berhak ke atas hak tempoh bertenang pelaburan tersebut walaupun dibuat dalam tempoh bertenang. • Setelah permohonan untuk melaksanakan hak tempoh bertenang diterima, bayaran balik penuh mengikut jumlah pelaburan permulaan akan diberikan kepada Pemegang Unit. Sekiranya Pemegang Unit ingin membuat permohonan pelaksanaan hak tempoh bertenang separa, Pemegang Unit perlulah melakukan jualan balik. Walau bagaimanapun, pembatalan separa adalah tidak dibenarkan. <ul style="list-style-type: none"> ○ Nota: Hak tempoh bertenang bagi tabung unit amanah harga hadapan diperkenalkan bermula 24 September 2018, manakala bagi tabung unit amanah harga silam bermula 1 Februari 2020. |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|---|--|
| 5. | Apakah prosedur yang perlu diambil untuk melaksanakan hak tempoh bertenang? | <ul style="list-style-type: none"> • Untuk melaksanakan hak tempoh bertenang, Pemegang Unit perlulah melakukan prosedur – prosedur berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Membuat permohonan pembatalan pelaburan di mana-mana cawangan ASNB atau ejen di seluruh negara. ii. Pemegang Unit perlu menyatakan nombor rujukan transaksi pelaburan permulaan yang boleh didapati di resit urus niaga (diterima setelah melakukan pelaburan permulaan), atau e-mel pemberitahuan yang diterima pada tiga (3) hari bekerja berikutnya (T+3) setelah urus niaga dijalankan. iii. ASNB akan memproses permohonan pembatalan urus niaga dan seterusnya Pemegang Unit akan menerima bayaran balik dalam tempoh sepuluh (10) hari (T+10) bermula dari hari permohonan tersebut dilakukan. • Pembatalan tidak boleh dijalankan pada hari yang sama disebabkan tempoh pemprosesan yang diperlukan bagi permohonan pelaburan permulaan. Oleh itu, sekiranya Pemegang Unit ingin membuat pembatalan urus niaga, permohonan perlulah dilakukan sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja selepas pelaburan permulaan dibuat dan mestilah juga dalam tempoh bertenang. • Setelah tempoh bertenang berakhir, Pemegang Unit tidak lagi mempunyai hak untuk membatalkan urus niaga. Pemegang Unit boleh melakukan urus niaga jualan balik biasa sekiranya berhasrat untuk meneruskan pembatalan pelaburan dalam unit amanah tersebut. • Bagi situasi sedemikian, urus niaga jualan balik adalah berdasarkan kepada harga seunit semasa bagi tabung amanah tersebut dan semua caj berkaitan yang telah dibayar tidak akan dikembalikan (<i>mengikut prosedur jualan balik seperti biasa</i>). |

4. TAKAT MASA (“CUT-OFF TIME”) URUS NIAGA

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|---|--|
| 1. | Bilakah takat masa (“Cut-off-time”) urus niaga bagi tabung unit amanah harga hadapan? | <ul style="list-style-type: none"> • Takat masa urus niaga adalah pada jam 4.00 petang hari bekerja • Sebarang urus niaga yang dilakukan sebelum takat masa akan diproses pada hari bekerja berikutnya (T+1) manakala urus niaga yang dilakukan selepas takat masa akan diproses pada dua (2) hari bekerja berikutnya (T+2). |

5. LAIN-LAIN PERKHIDMATAN

| NO. | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|---|---|
| 1. | Adakah kemudahan pemindahan dan penukaran dibenarkan? | <ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan pemindahan dan penukaran antara tabung-tabung unit amanah ASNB pada hari bekerja adalah dibenarkan, tertakluk kepada caj serta terma dan syarat. Permohonan pemindahan atau penukaran perlu dibuat sebelum takat masa urus niaga (cut-off-time) iaitu pada jam 4.00 petang setiap hari bekerja. • Segala caj adalah tertakluk kepada cukai yang perlu dibayar oleh Pemegang Unit. ASNB boleh mengubah caj berdasarkan kriteria-kriteria yang ditentukan dari semasa ke semasa. Caj penukaran semasa adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Penukaran ke tabung unit amanah harga berubah – perbezaan caj jualan antara dua tabung, tertakluk kepada caj minimum RM25 bagi setiap urus niaga. ii. Penukaran ke tabung unit amanah harga tetap – Tiada. • Pemegang Unit dibenarkan melakukan pemindahan kepada Pemegang Unit lain, tertakluk kepada caj serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh ASNB. Caj pemindahan adalah RM15 bagi setiap transaksi. • Tiada had amaun dan kekerapan bagi pemindahan dan penukaran. • ASNB mempunyai hak mutlak untuk menawarkan perkhidmatan ini melalui mana-mana saluran yang lain dan menentukan tarikh perkhidmatan tersebut disediakan dari semasa ke semasa. <ul style="list-style-type: none"> ○ Nota: Kemudahan pemindahan menerusi portal myASNB dihentikan sementara sehingga diberitahu kelak. Pemegang Unit boleh melaksanakan kemudahan pemindahan antara tabung unit amanah ASNB di kaunter cawangan dan ejen ASNB |
| 2. | Adakah tabung unit amanah baharu ini tersenarai dalam pelaburan di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA-KWSP)? | <ul style="list-style-type: none"> • Buat masa ini, tabung unit amanah baharu ini tidak tersenarai untuk dilanggan di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA-KWSP). |

| NO. | SOALAN | JAWAPAN | | | | | | | | | | |
|-----------------------|--|--|------------------|------------|---------------------|-------|----------------------|-------|-----------------------|-------|----------------------|-------|
| 3. | Adakah tabung unit amanah ini tersenarai dalam Pelan Pelaburan Sistemik (pelaburan melalui Skim Potongan Gaji) dan Auto Labur di myASNB? | <ul style="list-style-type: none"> Buat masa ini, tabung unit amanah baharu ini tidak tersenarai untuk dilanggan melalui Pelan Pelaburan Sistemik dan Auto Labur. | | | | | | | | | | |
| 4. | Adakah perkhidmatan Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah (HAPA) ditawarkan bagi tabung unit amanah baharu ini? | <ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan HAPA bagi tabung unit amanah baharu akan ditawarkan mulai 01/12/2021. | | | | | | | | | | |
| 5. | Adakah ASNB mengadakan sebarang kempen promosi untuk pelabur sempena pelancaran ASN Equity Global? | <ul style="list-style-type: none"> Ada. ASNB menjalankan kempen caj jualan yang lebih rendah berdasarkan jumlah pelaburan seperti berikut: <table border="1" data-bbox="800 841 1392 1027"> <thead> <tr> <th>Jumlah Pelaburan</th> <th>Caj Jualan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM10,000 – RM49,999</td> <td>2.50%</td> </tr> <tr> <td>RM50,000 – RM299,999</td> <td>2.00%</td> </tr> <tr> <td>RM300,000 – RM999,999</td> <td>1.50%</td> </tr> <tr> <td>RM1 juta dan ke atas</td> <td>1.00%</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Caj jualan untuk pelaburan bawah RM10,000 adalah pada kadar biasa iaitu 5.0%)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tempoh kempen: 1 September – 31 Disember 2021. - Kadar caj jualan di atas adalah untuk pelaburan melalui kaunter di saluran berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Cawangan ASNB seluruh negara ii) Ejen ASNB yang mengambil bahagian: Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, Affin Bank, AMBANK, Bank Islam, Bank Muamalat dan Alliance Bank - Pelaburan dibuat secara tunai, pindahan daripada akaun bank atau cek, yang mana berkaitan. | Jumlah Pelaburan | Caj Jualan | RM10,000 – RM49,999 | 2.50% | RM50,000 – RM299,999 | 2.00% | RM300,000 – RM999,999 | 1.50% | RM1 juta dan ke atas | 1.00% |
| Jumlah Pelaburan | Caj Jualan | | | | | | | | | | | |
| RM10,000 – RM49,999 | 2.50% | | | | | | | | | | | |
| RM50,000 – RM299,999 | 2.00% | | | | | | | | | | | |
| RM300,000 – RM999,999 | 1.50% | | | | | | | | | | | |
| RM1 juta dan ke atas | 1.00% | | | | | | | | | | | |

Sumber: Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 & dokumen Ketekunan Wajar "Due Diligence" ASN Imbang 3 Global (mana yang berkenaan)